



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

SIARAN MEDIA

TAYANGAN EKSKLUSIF SITKOM 'MAMU MAMI GOSIP' DI SALURAN YOUTUBE FINAS MALAYSIA BERMULA 10 FEBRUARI 2021

Petaling Jaya, 8 Februari 2021 – Dalam aspirasi meningkatkan penyampaian dan perkhidmatan melalui strategi pembangunan kandungan kreatif kerajaan dan pemameran di platform media digital, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) melalui Bahagian Kreatif dan Teknikal secara eksklusif telah mewujudkan slot terbaharu, 'Sitkom' di saluran rasmi media digitalnya, YouTube FINAS Malaysia bagi tayangan dan promosi karya-karya kreatif tempatan dalam genre komedi yang mengetengahkan kepelbagaian dan keunikan budaya serta cerita rakyat Malaysia.

Justeru, FINAS amat berbesar hati mengumumkan tayangan sitkom, 'Mamu Mami Gosip' di YouTube FINAS Malaysia dan ingin berterima kasih kepada syarikat produksi tempatan, FS Creative Sdn Bhd di bawah milik pelakon, Fasha Sandha yang telah memberi kebenaran bagi tayangan eksklusif siri komedi ini di platform YouTube FINAS Malaysia. Bakal bersiaran setiap Rabu sehingga Jumaat jam 9.30 malam bermula 10 Februari 2021, sitkom berdurasi setengah jam arahan Aizam Syamsul ini mengisahkan ragam penghuni di sebuah flat dengan pelbagai gelagat dan kisah mencuit hati yang dibintangi Kazar Saisi, Tauke Jambu, Delimawati, Fasha Sandha, Elisya Sandha, Fikhree Bakar, Aidil Aziz, Amyza Aznan dan Afifah Nasir.

Selain itu, sitkom ini juga diserikan dengan penampilan bintang undangan terdiri daripada artis dan selebriti popular tanah air seperti Zahirah MacWilson, Saharul Ridzwan, Dato' Sri Shah Rezza, Kamal Adli, Fauziah Nawati, Allahyarham Abam Bochei, Imuda, Hazama, Farahdhiya, Achey, Ruhainies, Chef Zam, Shuib Sepahtu, Ebby Yus, Anzalna Nasir, Liza Abdullah, Jasmin Hamid, Zulin Aziz, Bell Ngasri, Joey, Azrel Ismail, Kilafairy, Sherry Ibrahim, Zarina Zainuddin dan ramai lagi.

UNTUK SIARAN SEGERA

FINAS mempelawa semua khalayak penonton untuk bersama-sama menonton sitkom 'Mamu Mami Gosip' secara eksklusif di saluran YouTube FINAS Malaysia setiap Rabu hingga Jumaat jam 9.30 malam bermula 10 Februari 2021. Jangan lupa *Like, Comment, Share* dan *Subscribe* di <https://www.youtube.com/c/FinasMalaysiaMY>.

**Unit Komunikasi Korporat
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
8 Februari 2021**